



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. kami : JPNPk.SKPP.UNP.100-1/8/1(13)
Tarikh : 4 April 2019

Semua Guru Besar Sekolah Rendah
Negeri Perak

Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN GURU BESAR CEMERLANG PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG38 SECARA KHAS UNTUK
PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.500-1/1/6 Jld.2(4) bertarikh 29 Mac 2019 tentang perkara di atas. Disertakan salinan surat Kementerian Pendidikan Malaysia tersebut untuk maklumat dan tindakan tuan selanjutnya.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan Urusan Pemangkuhan Guru Besar Cemerlang bagi Gred DG38 (KUP).
3. Permohonan tersebut terbuka kepada semua Guru Besar yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

3.1 Syarat Umum

- 3.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) ;
- 3.1.2 Bebas daripada tindakan tatatertib ;
- 3.1.3 Telah mengisytiharkan harta (Lulus perisytiharan harta tahun 2015 ke atas) ;
- 3.1.4 Lulus Tapisan Keutuhan SPRM ;
- 3.1.5 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan ; dan
- 3.1.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan

3.2 Syarat Khusus

3.2.1 Bagi pemangkuan ke Gred DG38 (KUP), calon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG34 sebagai Guru Besar tidak kurang daripada tiga (3) tahun secara berterusan.

3.2.2 Mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum tarikh persaraan wajib pada 1 Julai 2020.

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang BPGBC/2019 dan dikemukakan berserta dokumen-dokumen berkaitan seperti berikut :

- 4.1 Salinan diakui sah kad pengenalan ;
- 4.2 Salinan diakui sah surat kenaikan pangkat gred DG34 ;
- 4.3 Salinan diakui sah surat pelantikan sebagai Guru Besar ;
- 4.4 Salinan diakui sah Sijil Ikhtisas ;
- 4.5 Salinan diakui sah surat kelulusan pengisytiharan harta tahun 2015 ke atas ;
- 4.6 Lampiran B – Kenyataan Ketua Jabatan ;
- 4.7 Lampiran C – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/Tabung Pendidikan
- 4.8 Lampiran T1 – Butir-butir calon untuk Tapisan Keutuhan SPRM (mandatori) - Pihak sekolah hendaklah mengemaskini terlebih dahulu semua maklumat tersebut di bahagian MAKLUMAT PERIBADI dalam Modul Semakan di sistem ePangkat) ;
- 4.9 Salinan diakui sah Laporan Audit Kewangan terkini di bawah kawalan calon.
- 4.10 Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan kemaskini

5. Selain dari itu, tuan/puan juga perlu mengemaskini semua maklumat PPP di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan, sistem HRMIS, sistem eOperasi dan sistem ePangkat.


6. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **pada atau sebelum 30 April 2019 jam 5.00 petang** berserta dokumen-dokumen sokongan kepada **Pengarah Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, 30640 Ipoh (u.p. Unit Sekolah Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah).**

7. Sebarang masalah jika ada, tuan/puan bolehlah merujuk ke Unit Sekolah Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah jabatan ini untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD ROSLI BIN AHMAD, AMP, PPT)

Timbalan Pengarah Pendidikan

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k

Pengarah Pendidikan Negeri Perak

Semua Ketua Sektor

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

FMM/MFMR



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88886673
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.500-1/1/6 Jld. 2(4)
Tarikh : 29 Mac 2019

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk / Tuan,

**URUSAN PEMANGKUAN GURU BESAR CEMERLANG PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG38 SECARA KHAS UNTUK
PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, saya telah diarah untuk menarik perhatian YBhg. Datuk/Tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan Urusan Pemangkuhan Guru Besar Cemerlang bagi Gred DG38 (KUP) bagi tahun 2019.
3. Permohonan bagi gred tersebut adalah terbuka kepada semua Guru Besar Sekolah Rendah Gred DG34 yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan. Selain itu, Pengarah Bahagian dan Pengarah JPN juga boleh mencalonkan mana-mana guru besar untuk urusan pemangkuhan ini.
4. Calon-calon mestilah memenuhi semua syarat seperti berikut:
 - 4.1 Syarat Umum :
 - 4.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018;
 - 4.1.2 Bebas daripada tindakan tatatertib;

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



- 4.1.3 Telah mengisytiharkan harta;
- 4.1.4 Lulus tapisan keutuhan SPRM;
- 4.1.5 Bebas daripada senarai peminjam tegar institusi pinjaman pendidikan;
- 4.1.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4.2 Syarat Khusus :

- 4.2.1 Bagi pemangkuan ke Gred DG38 (KUP), calon telah dinaikkan pangkat ke Gred DG34 sebagai Guru Besar tidak kurang daripada tiga (3) tahun secara berterusan.
- 4.2.2 Mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum tarikh persaraan wajib pada 1 Julai 2020.

5. Borang Permohonan

5.1 Pegawai-pegawai yang memohon untuk dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan ini atau pegawai-pegawai yang telah dicalonkan oleh ketua jabatan masing-masing hendaklah mengisi Borang Permohonan Guru Besar Cemerlang BPGBC/2019 yang dilampirkan. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada ketua jabatan masing-masing dengan melampirkan satu salinan bagi semua dokumen sokongan berikut:

- 5.1.1 Kad pengenalan.
- 5.1.2 Surat kenaikan pangkat ke Gred DG34 yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).
- 5.1.3 Sijil akademik peringkat sijil atau diploma.
- 5.1.4 Sijil Ikhtisas.
- 5.1.5 Kenyataan perkhidmatan terkini.
- 5.1.6 Kenyataan oleh Ketua Jabatan (**Lampiran B**).
- 5.1.7 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan (**Lampiran C**).
- 5.1.8 Borang Tapisan Keutuhan SPRM (**Lampiran T1**).
- 5.1.9 Laporan audit kewangan terkini di bawah kawalan calon.

6. Pegawai-pegawai yang memenuhi semua syarat di atas sahaja yang layak memohon. Semua pemohon diingatkan supaya mengisi borang permohonan BPGBC/2019 dengan lengkap dan betul serta melampirkan semua dokumen sokongan. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada ketua jabatan masing-masing sebelum atau pada **30 April 2019**.

7. Peranan Ketua Jabatan

7.1 Kerjasama Ketua Jabatan adalah dimohon untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :

7.1.1 Membuat hebahan dan memaklumkan urusan pemangkuan ini kepada semua pegawai yang layak di bawah penyeliaan masing-masing.

7.1.2 Menyemak dan memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat calon berdasarkan buku perkhidmatan kerajaan.

7.1.3 Memastikan calon mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan LNPT tiga tahun terakhir. Bagi pegawai yang cuti belajar, cuti tanpa gaji atau cuti sakit berpanjangan melebihi 180 hari pada tahun berkenaan, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan markah LNPT tahun sebelumnya.

7.1.4 Menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Calon Guru Besar Cemerlang peringkat Bahagian / JPN yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian / Pengarah JPN masing-masing.

7.1.5 Jawatankuasa Pemilihan Calon Guru Besar Cemerlang dikehendaki membuat penilaian ke atas calon-calon berdasarkan semua kriteria penilaian dan pemantauan yang telah ditetapkan.

7.1.6 Memastikan semua maklumat dalam borang BPGBC/2019 telah lengkap diisi oleh calon.

7.1.7 Mengisi maklumat mengenai calon dalam Lampiran B, Kenyataan oleh Ketua Jabatan.

7.1.8 Menyenaraikan calon-calon yang telah dipilih mengikut keutamaan atau ranking keseluruhan markah LNPT, markah penilaian dan pemantauan pada lampiran D1 (akan dihantar ke JPN kemudian) dalam bentuk hard copy dan soft copy.

7.1.9 Mengemukakan senarai calon yang telah diperaku berserta dokumen sokongan pada atau sebelum **3 Jun 2019** kepada:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA


8. **Borang permohonan yang tidak lengkap diisi tidak akan diproses.** Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh sembilan (9) bulan selepas tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya. Untuk makluman, walaupun pegawai telah dinilai oleh panel penilai KPM, keputusan muktamad adalah berdasarkan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).

9. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada En, Nagaretnam a/l Muthayan, Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia di talian 03-8883 0652 atau emel nagaretnam.m@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD JAMIL BIN MOHAMED)
Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sila catalkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung


4



5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Operasi Pendidikan)
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Pembangunan dan Profesionalisme Keguruan)
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan
Malaysia

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

BORANG PENCALONAN
GURU BESAR CEMERLANG DG38

Gambar
terbaru
berukuran
pasport

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI DAN PERKHIDMATAN

1. Nama (gunakan huruf besar):
2. Jawatan:
3. Nama sekolah:
4. No. Kad Pengenalan: 5. Tarikh Lahir:
6. Umur pada 1 Julai 2019 : 7. Jantina: Lelaki / Perempuan
8. Umur opsyen bersara*: 9. No. fail perkhidmatan: P/.....
10. Tarikh lulus peristiharan harta:
11. Tarikh lantikan ke jawatan gred DG34:
12. Tarikh pengesahan jawatan gred DG34:
13. Tempoh memegang jawatan gred DG34 sehingga 1 Julai 2019 : ... Tahun Bulan
14. Pengalaman sebagai Guru Besar sehingga 1 Julai 2019 : ... Tahun Bulan
15. Mata gaji pada 1 Julai 2019 : P T
16. Program pensiswazahan(jika berkaitan): Tarikh mula Tarikh tamat
17. Penguasaan Bahasa

		Baik	Sederhana	Lemah	Gred SPM
Bahasa Melayu	Pertuturan				
	Penulisan				
Bahasa Inggeris	Pertuturan				
	Penulisan				

*Sila tandakan (√) pada tempat berkenaan

BAHAGIAN B: SUMBANGAN DAN PENGHARGAAN

***lampirkan maklumat tambahan dan bahan sokongan, jika perlu*

1. Senaraikan kejayaan yang diperolehi sepanjang tempoh perkhidmatan dalam lima tahun terakhir. Senaraikan mengikut turutan peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, dan daerah. Sila kemukakan dokumen sokongan berkaitan

Bil.	Nama Program/Projek**	Peringkat	Tahun Pelaksanaan

2. Terbitan/ Penulisan buku, artikel, jurnal, kertas kerja, modul dan lain-lain yang telah dihasilkan dalam tempoh lima tahun terakhir. Senaraikan mengikut turutan peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah. Sila kemukakan dokumen sokongan berkaitan

Bil.	Nama Terbitan/Penulisan**	Peringkat	Tahun dihasilkan

3. Kursus/seminar/bengkel yang telah dihadiri sebagai penceramah/ pembentang kertas kerja/ fasilitator dalam tempoh lima tahun terakhir. Senaraikan mengikut turutan peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah. **Sila kemukakan dokumen sokongan berkaitan**

Bil.	Nama kursus/ seminar/ bengkel**	Peringkat	Tarikh

4. Pingat/ Anugerah/ Penghargaan yang diperolehi sepanjang tempoh perkhidmatan. **Sila kemukakan dokumen sokongan berkaitan**

Bil.	Nama Pingat/Anugerah/Penghargaan**	Tahun terima

5. Kegiatan/sumbangan di luar tugas rasmi seperti sukan, persatuan dan lain-lain dalam tempoh lima tahun terakhir. Senaraikan mengikut turutan peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah dan kampung/ taman perumahan. **Sila kemukakan dokumen sokongan berkaitan**

Bil.	Kegiatan/ sumbangan**	Peranan/ Jawatan	Peringkat

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan
calon dan
cop jawatan

Tarikh:

PERAKUAN KETUA JABATAN

Nama Calon:	
Alamat tempat bertugas:	

Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga tahun berturut-turut dan terkini:

Tahun	Markah	Wajaran
2016		20% =
2017		35% =
2018		45% =
JUMLAH		

Ulasan dan sokongan:

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan
Ketua Jabatan
dan cop rasmi

	Tarikh:
--	---------

KENYATAAN OLEH KETUA JABATAN

Nama Pemohon : Encik/Puan : _____

No. Kad Pengenalan : Lama/Baru : _____

1. Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)

(a) Tahun 2016 : _____

(b) Tahun 2017 : _____

(c) Tahun 2018 : _____

2. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) (Tidak Perlu)

(a) Lulus/ Dikecualikan *

PTK 1 Aras : _____ Tahun : _____

PTK 2 Aras : _____ Tahun : _____

PTK 3 Aras : _____ Tahun : _____

(b) Tarikh Duduk PTK :

(Sila sertakan semua salinan slip keputusan PTK yang telah diduduki)

3. Kenyataan Tatatertib

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas;

BEBAS dari kes tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah

Atau

SEDANG dalam tindakan tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah. (Nyatakan status kes/tindakan):-

i) Laporan telah dikemukakan kepada Urusetia Lembaga Tatatertib Kementerian

ii) Telah dikeluarkan surat pertuduhan
Atau

TELAH dikenakan hukuman tatatertib/SPRM/Surcaj/Mahkamah seperti berikut:-

Jenis Kesalahan : _____

Jenis Hukuman : _____

Tarikh Hukuman : _____

4. Kenyataan Mengenai Pengisytiharan Harta

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a) **TELAH** mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa dan diluluskan melalui surat bil. _____ bertarikh _____
(sila sertakan salinan surat kelulusan)
- b) **BELUM** mengisytiharkan harta kepada pihak berkuasa tatatertib.

5. Kenyataan Mengenai Tempoh Percubaan Berdenda / Cuti Tanpa Gaji/ Bersara Pilihan / Pelepasan Jawatan Dengan Izin / Perletakan Jawatan

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a) Pernah / Tidak Pernah dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda mulai/pada _____ hingga _____
- b) Telah diluluskan cuti tanpa gaji mulai/pada _____ hingga _____
- c) Telah memohon cuti tanpa gaji mulai/pada _____ hingga _____
- d) Telah memohon bersara pilihan / pelepasan jawatan dengan izin/perletakan jawatan pada _____

Tarikh : _____

Tandatangan Ketua Jabatan & Cop Jabatan

Catatan:

(Tandakan dalam petak yang sesuai dan * potong mana yang tidak berkenaan)

**SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya No. KP:..... mengesahkan bahawa:

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada
mula tarikh hingga sebanyak RM dan
..... mulai tarikh hingga
..... sebanyak RM Saya

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai
tarikh hingga sebanyak RM dan pada
masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran
tunai/potongan gaji mulai

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai
tarikh hingga sebanyak RM dan saya
telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....

Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

PENGESAHAN

.....

Tandatangan Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

**BUTIR-BUTIR CALON UNTUK TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA (SPRM) TAHUN 2014 (MANDATORI)**

PERINGATAN

Semua ruangan hendaklah dipenuhkan. Jika tidak berkenaan tulis '**TIDAK BERKENAAN**' jika tiada, tulis '**TIADA**'.

- A. 1. GELARAN : _____
2. NAMA : _____
3. NO. KAD PENGENALAN
- 3.1 (BARU) _____ 3.2 (LAMA) _____
4. NO. PASSPORT/NO. POLIS/ NO. TENTERA : _____
(JIKA ADA, SILA NYATAKAN)
5. TARIKH LAHIR : _____ 6. TEMPAT LAHIR : _____
7. BANGSA : _____ 8. AGAMA : _____
9. JANTINA : _____ 10. WARGANEGARA : _____
11. GRED JAWATAN TERKINI : _____
12. GELARAN JAWATAN TERKINI : _____
13. SKIM PERKHIDMATAN : _____
14. GAJI HAKIKI SEBULAN : _____
15. TEMPAT BERTUGAS : _____
16. ALAMAT TEMPAT BERTUGAS : _____ TEL : _____
- _____
- _____
- _____

17. ALAMAT RUMAH : _____ TEL: _____

18. EMEL RASMI PEGAWAI : _____

BUTIR-BUTIR PASANGAN CALON (Jika Berkaitan)

B. 1. NAMA ISTERI / SUAMI :

2. NO. KAD PENGENALAN ISTERI / SUAMI :

2.1 (BARU): _____ 2.2 (LAMA): _____

3. NO. PASSPORT/ NO. POLIS/ NO. TENTERA PASANGAN (JIKA ADA, SILA NYATAKAN) :

4. JAWATAN / PEKERJAAN ISTERI / SUAMI :

5. ALAMAT PEJABAT ISTERI / SUAMI :

DENGAN INI, SAYA SEPERTI NAMA DI ATAS MENGESAHKAN MAKLUMAT – MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR DAN SAHIH.

(TARIKH)

(TANDATANGAN PEMOHON)